

**Kemiskinan Bukan Penghalang Untuk Capai Kejayaan - Najib
Bernama
August 19, 2014**

PETALING JAYA, 19 Ogos (Bernama) -- Kemiskinan bukan penghalang untuk mencapai kejayaan jika ia disertai dengan semangat serta keinginan yang kuat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib berkata semangat yang kental, kesabaran, sentiasa berusaha serta mempunyai cita-cita tinggi merupakan pendorong utama untuk berjaya dan semua itu mampu mengatasi kekayaan harta benda yang dimiliki.

"Ia bukan sama ada kamu miskin harta namun apa yang penting jika kamu kaya dari segi peribadi, kuat semangat, tekun, mempunyai keazaman dan impian yang tinggi.

"Itu lebih penting daripada kemudahan dari segi material, kejayaan dari segi kewangan. Kalau kita ada semangat tabah dan cecal...ia asas kepada kejayaan," katanya ketika berucap melancarkan program TV 1Malaysia Ikon di sini, Selasa.

Najib menarik perhatian apabila berkata Malaysia merupakan sebuah bumi bertuah kerana terdapat banyak peluang yang diwujudkan oleh kerajaan untuk rakyat daripada pelbagai latar belakang mengubah khidupan masing-masing ke arah yang lebih baik.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata peluang itu tidak akan bermakna jika rakyat sendiri enggan merebut serta menggunakannya sebaik mungkin.

"Malaysia ialah sebuah negara sumber rezeki. Kita wujudkan peluang tanpa kira latar belakang sosio ekonomi asalkan rakyat berusaha gigih dan guna akal fikiran untuk berjaya.

"Sebaliknya kalau ada peluang tapi tak ada semangat, maka peluang itu disia-siakan oleh kita," katanya.

Menyentuh mengenai program TV 1Malaysia Ikon, Najib berkata semua 13 ikon yang dipaparkan adalah contoh terbaik bagaimana seseorang yang datang daripada keluarga kurang berada, mampu melakar kejayaan hasil daripada usaha gigih.

"Semangat yang tabah, cecal inilah yang jadi asas kepada ikon kita yang berjaya sama ada mereka terpaksa berkongsi katil sewaktu kecil, mereka kena penyakit malaria pada umur lima tahun, mereka kena pukul oleh bapa mereka.

"Apa sahaja halangan mereka berjaya atasi sebab mereka tidak pernah mengaku kalah. Mereka mempunyai keazaman yang tinggi dan tidak pernah putus asa," katanya.

Dalam pada itu, Najib menyatakan komitmen beliau untuk terus menyokong program

1Malaysia Ikon dan berharap lebih ramai tokoh dapat ditonjolkan untuk tontonan umum pada masa akan datang.

"Saya percaya program ini memberi sumbangan besar kepada usaha untuk menyetengahkan generasi muda ke hadapan agar mampu mencipta kejayaan," katanya.

Tiga belas ikon yang dipaparkan dalam program 1Malaysia Ikon terdiri daripada duta Khas Malaysia ke Asia Selatan Datuk Seri S. Samy Vellu; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Lotus Datuk Doraisingam Pillai; bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Rafidah Aziz; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura Tan Sri Sharil Samsuddin; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Corporation Tan Sri Vincent Tan.

Turut diketengahkan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Air Asia Bhd (AirAsia) Tan Sri Tony Fernandes; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar; bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin; pereka kasut tersohor Datuk Jimmy Choo; bekas olahragawati negara Datuk Marina Chin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi Eksekutif Kumpulan Mutiara Motors Datuk Ahmad Kemin dan tokoh perfileman Datuk Yusof Haslam.

Program dokumentari sebanyak 13 episod itu akan disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi saluran TV1 mulai 22 Ogos hingga 16 Sept depan pada pukul 7 hingga 8 malam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1061556>